**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
*Ministry of Education Malaysia*
**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**
*Sports, Co-curricular And Arts Division*
Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333
Faks : +603 88841034/88886790
Laman Web : www.moe.gov.my

KPM.600-12/1/4 Jld.12 ( )
3 Julai 2020

**Pengarah,**
**Jabatan Pendidikan Negeri.**

YBrs. Dr. / Tuan / Puan,

**PEMAKLUMAN PERUBAHAN BERKAITAN PELAKSANAAN PROGRAM *INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020* SECARA DALAM TALIAN SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGGLE AMBASSADOR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Kelab Duta Rimba@Junggle Ambassador no. rujukan: **JAKL200-/1/20(25)** bertarikh **29 Jun 2020** adalah berkaitan (surat seperti di lampiran).

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima surat perubahan berkaitan pelaksanaan program ***International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020.*** Program berkenaan yang dijadualkn berlangsung pada 14 hingga 17 Julai 2020 secara pertemuan bersemuka, telah ditunda kepada **5 hingga 13 Oktober 2020** dan dilaksanakan secara dalam talian ekoran penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi membendung penularan wabak *Coronavirus (Covid-19)* di negara ini dengan larangan penganjuran aktiviti berbentuk himpunan ramai.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini memanjangkan maklumat berkaitan perubahan tersebut kepada sekolah-sekolah yang mengambil bahagian. Sebarang maklumat lanjut berkaitan pertandingan ini, pihak YBrs Dr. / Tuan / Puan boleh menghubungi **En. Ganesan S.Sittrambaram** di talian **016-3333534** atau melalui emel **jungleambassador@outlook.com.**

Kerjasama dan sokongan pihak YBrs Dr. / Tuan / Puan dalam hal ini amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZAINAL BIN ABAS)**
Pengarah,
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.: Pengerusi,
Duta Rimba@Junggle Ambassador,
Kuala Lumpur.

# KELAB DUTA RIMBA

KUARTERS INSTITUSI PENDIDIKAN, C-4-3, JALAN ATHINAHAPAN,
TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 KUALA LUMPUR
016-3333534 www.jungleambassador.org jungleambassador@outlook.com
AKTA PERTUBUHAN 1996 (PPM-023-14-05112014)


Ruj. Kami : JAKL 200-/1/20 (25)
Tarikh : 29 JUN 2020

Pengarah
Bahagian Sukan dan Seni
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3 Blok E9 Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya


TERIMA
30 JUN 2020
614
KPM


Y.Bhg. Tuan,

**PEMAKLUMAN PERUBAHAN BERKAITAN PELAKSANAAN PROGRAM 'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR.**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami ini telah mengadakan pembentangan berkaitan kaedah pelaksaan program **VIRTUAL INTERACTIVE - 'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020** kepada pihak tuan yang diwakili oleh Timbalan Pengarah Puan Roslina bte Mohd Roslin pada 15 Jun 2020 jam 2.30 petang di Tingkat 3, Blok E9 Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak Kelab Duta Rimba akan **menangguhkan** Program 'International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020 yang dijadualkan pada **14-17 JULAI 2020 ( Surat Kelulusan-Rujukan Tuan Bil KPM.600-12/1/4 JLD.7 (31) bertarikh 27 Disember 2019)** ekoran daripada pelaksanaan penjarakan sosial dan langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak kerajaan kerana penyebaran wabak *Coronavirus* (Covid-19) yang melanda seluruh dunia.. Seterusnya pihak kami mengambil pendekatan persekitaran yang lebih selamat dengan pelaksanaan **VIRTUAL INTERACTIVE - 'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 -Via ZOOM**

3. Berikut adalah **butiran tindakan susulan** yang dirancang oleh pihak kami bagi melaksanakan VIRTUAL INTERACTIVE - 'International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020 **Via ZOOM** ini.

- Tarikh : **5 Oktober 2020 (Taklimat Fasilitator)** (8.30 am - 9.30 am)
- Tarikh : **6 Oktober 2020 (Taklimat Guru Pengiring)** (8.30 am - 9.30 am)
- Tarikh : **8 Oktober 2020 (Taklimat Peserta)** (8.30 am - 9.30 am)
- Tarikh : **13 Oktober -15 Oktober 2020** (Aktiviti Bermula) (8.30 am - 2.00 pm)
- Lokasi Beraktiviti : Rumah Kediaman / Sekolah
- Keperluan Setiap Peserta/Guru Pengiring/Fasilitator :
  - ✓ Laptop atau Desktop menggunakan Applikasi ZOOM **dan**
  - ✓ Talipon Bimbit menggunakan Applikasi Telegram (Data Internet )

**PEMAKLUMAN PERUBAHAN BERKAITAN PELAKSANAAN PROGRAM 'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR.**

Ruj. Kami : JAKL 200-/1/20 (25) Tarikh : 29 JUN 2020

- Kit yang disediakan kepada peserta, guru pengiring dan fasilitator:
  - ✓ T- Shirt ( akan dihantar sebelum 13 Oktober 2020)
  - ✓ Sijil Penyertaan dan Sijil Pencapaian (Peserta)(Selepas program)
  - ✓ Sijil Penghargaan ( Fasilitator dan Guru Pengiring) (Selepas program) *(Pihak penganjur akan menghantar laporan program kepada BKK KPM untuk permohonan kelayakan peringkat kebangsaan / Antarabangsa serta kelayakan markah kokurikulum.)*
- Lencana Program (dihantar selepas program)
- ID Murid : m-xxxxxxx@moe-dl.edu.my (sila rujuk kepada pihak sekolah)
- ID Guru pengiring/Fasilitator : g-xxxxxxx@moe-dl.edu.my
- Pendaftaran : Sila layari www.jungleambassador.org
- Penyertaan Terhad :
  - : Sekolah Rendah - 250 murid (Tahun 4- 6)
  - : Sekolah Menengah - 250 murid (Tingkatan 1-5)
- Nisbah murid dan guru : 10 murid dan seorang guru pengiring.
- Pihak sekolah boleh menghantar lebih dari 10 orang murid.
- Surat Pelepasan Murid dan Guru dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri setiap negeri boleh dimuat turun melalui www.jungleambassador.org
- Guru-guru boleh juga menyertai Grup Telegram (LGESC 2020) bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai program ini.
- Tarikh Tutup Pendaftaran – 3 September 2020

4. Sehubungan dengan itu, **kerjasama pihak tuan** dipohon untuk **memanjangkan pemakluman berkaitan pelaksanaan program ini kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah-sekolah rendah dan menengah.**

5. Diharap dengan sokongan dan kerjasama pihak tuan dalam program ini dapat membantu negara kita dalam mencapai matlamat dalam "Sustainable Development Goals" yang disasarkan oleh Majlis Bangsa-Bangsa Bersatu. Pihak tuan boleh ajukan sebarang pertanyaan kepada Encik Ganesan ditalian 016-3333534 atau melalui email jungleambassador@outlook.com.

Kerjasama pihak tuan amat dihargai dan semoga program ini akan memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(GANESAN S.SITTRAMBARAM)**
Presiden Kelab Duta Rimba@Jungle Ambassador
Kuala Lumpur.

ZAINAL BIN ABAS
Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
30/6/2020

**PEMAKLUMAN PERUBAHAN BERKAITAN PELAKSANAAN PROGRAM 'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR.**

Ruj. Kami : JAKL 200-/1/20 (25) Tarikh : 29 JUN 2020

## TENTATIF PROGRAM

## VIRTUAL INTERACTIVE-'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 -Via ZOOM

| TARIKH | AGENDA | 8.30 -9.30 | REHAT | 9.45-11.45 | REHAT | 12.00-2.00 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Isnin 5 Oktober | Taklimat Fasilitator | Tatacara Beraktiviti | | | | |
| Selasa 6 Oktober | Taklimat Guru Pengiring | Tatacara Beraktiviti | | | | |
| Khamis 8 Oktober | Taklimat Peserta | Tatacara Beraktiviti | | | | |
| Selasa 13 Oktober | Hari Pertama | Perasmian / Ice Breaker | | Geopark Lokasi A | | Geopark Lokasi B |
| Rabu 14 Oktober | Hari Kedua | Team Building | | Geopark Lokasi C | | Geopark Lokasi D |
| Khamis/ 15 Oktober | Hari ketiga | Eco School | | Eco School | | Penutup |

**VIRTUAL INTERACTIVE - 'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 -Via ZOOM**
**PENGURUSAN BILIK VIRTUAL SEMASA PERJALANAN AKTIVITI**




**Nota**
SK- Sekolah Rendah SM - Sekolah Menengah
Murid SK dan SM diberi penerangan bersama tetapi akan membuat aktiviti kumpulan mengikut SK dan SM

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
*Ministry of Education Malaysia*
**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**
*Sports, Co-curricular And Arts Division*
Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333
Faks : +603 88841034/88886790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. kami : KPM.600-12/1/4 JLD.7 ( 31 )
Tarikh : 27 Disember 2019
30 Rabiulakhir 1441H

Presiden,
Kelab Duta Rimba,
Kuarters Pendidikan Guru, Blok C-4-3,
Jalan Ahtinahappan, Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Tuan,

**KEBENARAN PELIBATAN GURU DAN MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI *"PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020"* SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR**

Dengan segala hormatnya surat tuan bertarikh **12 Disember 2019** adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan pendidikan guru dan murid-murid sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, KPM **tiada halangan** bagi membenarkan murid dan guru untuk menghadiri ***"Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"*** yang akan diadakan pada **14 Julai 2020** bertempat di **Langkawi, Kedah.** Walau bagaimanapun, kelulusan bagi permohonan tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

3.1. Pelibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat;

3.2. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;

3.3 Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan;

3.4 Pelibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

3.5 Guru hendaklah sentiasa bersama-sama murid sepanjang program berlangsung;

3.6 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;

3.7 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat;

3.8 Pihak tuan dipohon berbincang dan mendapat kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua/Guru Besar sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi daripada program yang dijalankan; dan

3.9 Bagi tujuan pemberian markah kokurikulum, pihak tuan dipohon mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program bersama-sama surat permohonan pengiktirafan program.

4. Pihak tuan juga adalah dipohon untuk mengemukakan laporan program kepada Bahagian ini dua minggu setelah program selesai dijalankan untuk tujuan rekod dan rujukan. **Kelulusan ini adalah hanya untuk memberi pelepasan kepada guru serta murid bagi menghadiri *Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"*** yang akan diadakan pada **14 Julai 2020 bertempat** di **Langkawi, Kedah Anjuran Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur.** Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(RAZUKI BIN A. RAHIM)**
Timbalan Pengarah,
b.p. Pengarah,
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000
Fax : 03 6204 6801
Portal : *jpwpkl.moe.gov.my*

Ruj. Kami : JPNWP 800-2/ Jld. 7 (60)
Tarikh : 17 Januari 2020

**Kelab Duta Rimba**
**Kuarters Pendidikan Guru**
**Blok C-4-3, Jalan Atinahappan**
**60000 Taman Tun Dr Ismail**
**Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Tuan,

**KELULUSAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU/PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN BERUNIFORM DALAM PROGRAM *'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020'* UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA @ JUNGLE AMBASSADOR**

Dengan sukacitanya perkara di atas dan surat dari Kelab Duta Rimba, no. rujukan JAKL 200-/1/02(01) bertarikh 13 Januari 2020 adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) telah meneliti permohonan yang dikemukakan dan tiada halangan untuk **Kelab Duta Rimba** menganjurkan **Program *'International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020'*** yang akan diadakan pada **14 hingga 17 Julai 2020 di Langkawi, Kedah**. Pihak JPWPKL juga tiada halangan untuk **murid** dan **guru** menyertai program tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) memohon kerjasama tuan untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

3.1 Mendapatkan kebenaran Pengetua/Guru Besar bagi penyertaan guru dan murid.
3.2 Mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada ibu bapa/penjaga bagi penyertaan murid.
3.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini.
3.5 Pegawai Penyelamat yang bertauliah (salinan sijil yang disahkan dilampirkan) mesti terlibat dalam aktiviti air.
3.6 Guru/guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan.
3.7 Murid-murid, guru-guru, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini.
3.8 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat.

---

3.9 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum

3.10 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan.

3.11 Pihak Jabatan berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.

4. Kelulusan ini adalah untuk program yang dinyatakan dalam perancangan tersebut dan **tamat tempohnya selepas tarikh 17 Julai 2020.** Pihak tuan boleh menghubungi **En. Mohd Aidilfitri bin Ramelan** (Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPWPKL) di talian **03-6204 6096** untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MAZNAH BINTI ABU BAKAR, *ANS; PMC*)**
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

s.k.
i. Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembangunan Murid
ii. Pejabat Pendidikan Wilayah Bangsar/Pudu, Keramat dan Sentul
iii. Ketua Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid
iv. Fail

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium
05604 Alor Setar Kedah

Tel : 04-7745100
Faks : 04-7328659
Laman Web : http://jpnkedah.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPK.SPPK.UKK.600-3/4/12 JLD 2 (20)
Tarikh : 23 Januari 2020

**Presiden,**
**Kelab Duta Rimba,**
**Kuarters Pendidikan Guru,**
**Blok C-4-3, Jalan Athinahappan,**
**Taman Tun Dr Ismail,**
**60000, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**

Tuan,

**KEBENARAN PENGANJURAN SERTA PENGLIBATAN GURU DAN MURID BAGI PROGRAM "INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020" UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI KEDAH**

Adalah saya diarah merujuk surat tuan **JAKL 200-/1/02 (01)** bertarikh **13 Januari 2020** mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman **tiada halangan** dan **membenarkan** pihak Kelab Duta Rimba untuk mengadakan Program **"International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020" pada 14-17 Julai 2020 di Langkawi, Kedah** yang melibatkan penyertaan guru dan murid sekolah - sekolah dalam Negeri Kedah seperti yang terkandung dalam surat tuan kepada kami.

3. Walau bagaimanapun perkara-perkara berikut mestilah dipatuhi;

3.1 Mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan;
3.2 Surat kebenaran ini tidak boleh digunapakai untuk tujuan mendapatkan sumbangan dan tajaan dari mana - mana pihak;
3.3 Penyertaan guru dan murid tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah;
3.4 Penyertaan adalah secara sukarela tanpa sebarang ada unsur paksaan;
3.5 Tiada implikasi kewangan kepada, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Pejabat Pendidikan Daerah;
3.6 Murid-murid yang terlibat mestilah mendapat kebenaran bertulis dari ibu/bapa atau waris/penjaga;
3.7 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan
3.8 Pihak penganjur dikehendaki menghantar laporan berkenaan penglibatan pelajar dalam tempoh 30 hari selepas program dijalankan;
3.9 Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

**KEBENARAN PENGANJURAN SERTA PENGLIBATAN GURU DAN MURID BAGI PROGRAM "INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020" UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI KEDAH**

Ruj. Kami : JPK.SPPK.UKK.600-3/4/12 JLD 2 (20) Tarikh : 23 Januari 2020

---

4. Kebenaran ini (**Kebenaran Penganjuran serta Penglibatan guru dan murid sekolah-sekolah Negeri Kedah dalam "International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020" pada 14-17 Julai 2020 di Langkawi, Kedah**) adalah untuk tujuan tersebut di atas sahaja.

5. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **En. Hasnizam bin Zakaria, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah** di talian **0162635969/047745175** untuk maklumat lanjut.

Segala perhatian daripada tuan amat kami hargai dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"**

Saya yang menjalankan amanah,

**( HAJI AHMAD SHUKRI BIN SHAFIE )**
Timbalan Pengarah Pendidikan (Pembangunan Murid)
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Kedah

KEDAH AMAN MAKMUR Harapan Bersama Makmurkan Kedah

s.k 1. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah
2. Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Kedah

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : *http://jpnperak.moe.gov.my*

Ruj. Kami : JPNPk.SPM.KOKU600-3/3 (62)
Tarikh : 25 Jamadilawal 1441H.
21 Januari 2020

**KELAB DUTA RIMBA,**
**KUARTER PENDIDIKAN GURU, BLOK C-4-3,**
**JALAN ATINAHAPPAN,**
**TAMAN TUN DR. ISMAIL,**
**60000 KUALA LUMPUR.**

Tuan,

**KEBENARAN PELIBATAN GURU / PEGAWAI DAN MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENYERTAI PROGRAM *INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020***

Sukacita saya merujuk surat tuan JAKL200-/1/02 (01) bertarikh 13 Januari 2020 mengenai perkara di atas.

2. Setelah meneliti surat tuan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak tiada halangan untuk pihak tuan berurusan dengan pihak sekolah bagi menjayakan program tersebut. Walaubagaimanapun ia adalah terhad dan bergantung kepada persetujuan dan kebenaran pihak sekolah serta guru yang berkenaan sahaja bagi hal-hal yang berkaitan dan pihak tuan adalah tertakluk kepada ***Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10/2011 Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia*** serta dibaca bersama peraturan-peraturan yang terkandung dalam ***SPI 24/1998 (Penglibatan Guru dan Murid Dalam Aktiviti Pasukan Pakaian Seragam Agensi Kerajaan dan Agensi Bukan Kerajaan)***.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak mengalu-alukan penyertaan guru dan murid dari seluruh negeri Perak dalam program di atas. Namun begitu, pihak tuan haruslah menepati syarat-syarat berikut:-

a. Pelibatan murid dalam aktivit tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat.
b. Pelibatan murid mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga dan tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
c. Tiada unsur paksaan terhadap guru dan murid untuk menyertai program berkenaan.
d. Tiada melibatkan implikasi kewangan terhadap Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.
e. Semua pihak diminta memastikan murid yang terlibat mempunyai perlindungan insuran Takaful, mesti menggunakan kenderaan berinsuran ***SPI 9/2000 Panduan keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah***.

f. Pihak Urus setia dikehendaki memastikan keselamatan guru dan murid diberi keutamaan.

g. Pihak tuan juga dikehendaki memastikan kawasan program di dalam dewan dan selamat. ***SPI 9/2000 Panduan keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah. Patuhi sepenuhnya Peraturan Tetap Membawa Pelajar Untuk Kegiatan Luar.*** SOP program sebelum, semasa dan selepas mestilah didokumenkan dan ditaklimatkan kepada semua peserta.

h. Guru yang terlibat perlu mematuhi ***SPI Bil.8/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan SPI Bil.9/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah)*** berhubung penggunaan masa dan peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut jam kredit setahun.

i. Pihak Jabatan berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

j. Pihak tuan dikehendaki mengemukakan satu salinan laporan dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program bagi membolehkan pemberian pengiktirafan dan pemberian markah kokurikulum mengikut peringkat seperti yang dipohon.

5. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada perincian berikut sahaja dan akan luput sekiranya terdapat perubahan pada tarikh dan tempat seperti yang ditetapkan.

Tarikh : 14 Julai 2020 hingga 17 Julai 2020
Tempat : Langkawi, Kedah.

6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Mohd Mokhtar bin Shaari di talian 05-5015304 / 0195595892.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"MENUJU PANGKOR PULAU BEBAS CUKAI 2020"**

Saya yang menjalankan amanah,

**( AZNAN BIN HJ. ALIAS, AMP. )**
Timbalan Pengarah Pendidikan,
Sektor Pembangunan Murid.
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020 Wilayah Persekutuan Labuan

Telefon : 087-583351 / 587353 / 583357
Fax : 087-583352 / 583355
Laman Web : jpwpl.moe.gov.my
E-mel : jpnlabuan@moe.gov.my

Rujukan : JPWPL.SPS.600-11/2/1 Jld. Y( 3 )
Tarikh : 22 Januari 2020

Ganesan S. Sittrambaram
Presiden Kelab Duta Rimba @ Jungle Ambassador
Kelab Duta Rimba
Kuarters Pendidikan Guru
Blok C-4-3 Jalan Atinahappan
Taman Tun Dr Ismail
60000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan,

**KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Setelah meneliti surat permohonan tuan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan **tiada halangan** kepada pihak tuan untuk mengadakan program berkenaan. Untuk makluman pihak tuan penganjuran program ini adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2004 Ruj. KP(BS)8691/ Jld.XVII/(9) bertarikh 16 September 2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.**

3. Untuk menjayakan program tersebut, pihak tuan dinasihatkan supaya mengadakan perbincangan bersama sekolah terlibat mengenai kaedah terbaik melaksanakannya di samping mematuhi syarat-syarat berikut :

3.1 **Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**

3.2 Jika ada penyertaan dalam kalangan guru dan warga sekolah, hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berkenaan;

3.3 Pihak penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan warga sekolah yang terlibat dengan program ini;

3.4 Warga sekolah **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini dan pihak penganjur adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan warga sekolah yang terlibat;

3.5 Tiada sebarang unsur negatif mengenai sekolah dan warganya dibangkitkan dalam sesi ceramah tersebut dan **penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa dan penjaga;**

JPWPL.SPS.600-11/2/1 Jld.8( 3 )
22 Januari 2020

**KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR**

3.6 **Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk makan, minum, penginapan dan tuntutan perjalanan peserta yang hadir;**

3.7 Pihak tuan dipohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program (*Lampiran 1*) dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;

3.8 Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan, sekolah, guru dan murid yang terlibat secara paksaan; dan

3.9 Semua syarat dan peraturan di atas hendaklah dipatuhi dan Jabatan Pendidikan W.P. Labuan boleh menarik balik kelulusan ini bila-bila masa.

4. Untuk makluman tuan, pihak KPM sedang berusaha Melindungi Masa Instruksional (MMI), yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya **penyertaan murid-murid bagi program tersebut diadakan diluar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid.**

5. **Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 18 Januari 2020.**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MAIMOON BINTI MATNOH)**
Timbalan Pengarah,
Sektor Pengurusan Sekolah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan

s.k :

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang

Telefon : 04-657 5500
Faks : 04-658 2500
Laman Web : http://jpnpp.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNPP (UKK)700 – 6/5/6 Jld.2 (61)
Tarikh : 2 Januari 2020

Pengetua/Guru Besar,
Sekolah Menengah/Sekolah Rendah,
Negeri Pulau Pinang.

Tuan,

**HEBAHAN PROGRAM *INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020* ANJURAN DUTA RIMBA@*JUNGLE AMBASSADOR***

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kelab Duta Rimba@*Jungle Ambassador* akan menganjurkan program tersebut pada ketetapan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tarikh | : **14 hingga 17 Julai 2020** |
| Tempat | : **Pulau Langkawi, Kedah** |
| Penyertaan | : **Sekolah Rendah (tahun 4 hingga tahun 6)**<br>**Sekolah Menengah (tingkatan 1 hingga tingkatan 5)** |

3. Sehubungan itu, dipanjangkan jemputan menyertai program ini kepada sekolah-sekolah yang berminat. Bersama-sama ini disertakan salinan kertas kerja yang mengandungi maklumat lanjut dan surat kelulusan dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebarang pertanyaan, tuan boleh terus menghubungi pihak urus setia penganjur En. S. Ganesan (016-333 3534) / Pn. Jun (016-220 8024) / Ust. Ammar (013-447 2057) / En. Rasul (011-1133 7493). Kerjasama dan komitmen tuan amat dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZAHARI BIN ZAKARIAH)**
Timbalan Pengarah,
Sektor Pembangunan Murid,
b.p. Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.
No. Tel : 04-652 1194 / 1195
No. Faks : 04-652 1014
E-mel : zahari.zakariah@moe.edu.my

s.k. 1. Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut / Barat Daya / SPU / SPT / SPS

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman.

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami : P.T 12017-13/9 ( 4 )
Tarikh : 22 Januari 2020

Ganesan S.Sittrambaram
Presiden
Kelab Duta Rimba
Kuarter Pendidikan Guru,
Blok C-4-3 Jalan Atinahappan,
Jalan Tun Dr Ismail,
6000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan,

**KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM *'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020'* DI LANGKAWI, KEDAH**

Dengan segala hormatnya surat tuan JAKL 200-/1/02(01) bertarikh 13 Januari 2020 dirujuk dan berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu tiada halangan membenarkan pihak **Kelab Duta Rimba** untuk menganjurkan ***"Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"***. Walau bagaimanapun, kelulusan ini terhad kepada urusan antara pihak tuan dengan pihak pengurusan sekolah sahaja bagi hal-hal yang berkaitan dengan perkara tersebut dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

2.1 Pihak tuan hendaklah mematuhi **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2018- Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru Dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia**;

2.2 Mendapat kebenaran bertulis daripada Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan serta mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah

2.3 Penyertaan guru dan murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah;

2.4 Menjaga keselamatan dan kebajikan murid dan guru yang terlibat dengan program ini;

2.5 Murid-murid dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;

2.6 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis ibu bapa / penjaga masing-masing (Surat Kebenaran Ibu Bapa / Penjaga Murid) dan pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan berlaku;

2.7 Jika melibatkan aktiviti di air dan aktiviti di hutan **MESTI** menggunakan jurulatih yang mempunyai Bronze Medal dan bertauliah yang mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang digunapakai oleh Pusat Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan nisbah **1 Jurulatih : 5 Murid**;

2.8 Semua perbelanjaan bagi pegawai, guru dan murid yang terlibat dengan aktiviti ditanggung sepenuhnya oleh pihak penganjur dan tidak ada implikasi kewangan kepada sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia;

2.9 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dan arahan-arahan semasa berkenaan pelaksanaan aktiviti murid yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;

2.10 Kelulusan ini adalah hanya untuk kebenaran menganjurkan *"Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"* di Langkawi,Kedah anjuran **Kelab Duta Rimba** dan tamat tempohnya pada **14 hingga 17 Julai 2020**. Pihak tuan juga diminta menghantar laporan ringkas program (Lampiran 1) mengikut format yang dilampirkan bersama-sama surat ini selepas 2 minggu program selesai dijalankan.

Kerjasama tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"Mendepani Pendidikan Global"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**SALIM BIN AB GHANI, A.M.N.**
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

*s.k.*

| | | |
|---|---|---|
| *Timbalan Pengarah Pendidikan (Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD)* | - | *Makluman tuan* |
| *Timbalan Pengarah Pendidikan (Sektor Pembangunan Murid)* | - | *Makluman tuan* |

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak

Tel : 082-473473
Faks : 082-473478
Laman Web : *jpnsarawak.moe.gov.my*

Ruj.Kami : JPNSW.SPPK.KK 600-3/4/16 Jld. (re)
Tarikh : 30 Januari 2020

**Presiden**
Kelab Duta Rimba
Kuarter Pendidikan Guru Block C-4-3,
Jalan Atinahappan Taman Tun Dr. Ismail
60000 Kuala Lumpur

Tuan,

**KEBENARAN PENGLIBATAN GURU DAN MURID BAGI PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI *"PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020"* SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR**

Dengan hormatnya surat tuan bil. : JAKL 200-1/02 (01) yang bertarikh 13 Januari 2020 berkenaan dengan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Setelah meneliti permohonan yang dikemukakan, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak tiada halangan kepada guru dan murid menghadiri ***"Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"*** yang akan diadakan pada **14 Julai 2020** bertempat **di Langkawi, Kedah.** Walau bagaimanapun, kebenaran dan kelulusan ini adalah tertakluk kepada surat pekeliling / surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia seperti berikut:-

2.1 ***Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2018*** – Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru Dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;

2.2 ***Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2/1010*** – Garis Paduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar;

2.3 ***Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2016*** – Panduan Keselamatan Semasa Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam Dan Di Luar Kawasan Sekolah;

2.4 ***Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10 Tahun 2011*** – Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia;

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dimohon untuk memaklumkan secara bertulis kepada Pegawai Pendidikan Daerah / Pengetua / Guru Besar sekolah yang terlibat tentang program tersebut dengan mematuhi syarat-syarat berikut:-

3.1 **Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;**

3.2 Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak,

3.3 Guru dan pihak sekolah **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** untuk terlibat dalam program ini;

Ruj Kami : JPNSW.SPPK.KK.600-3/4/16 Jld. (1) 
Tarikh : 30 Januari 2020

**KEBENARAN PENGLIBATAN GURU DAN MURID BAGI PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI *"PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020"* SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR**

3.4 Guru/guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah untuk mengiringi murid ke program berkenaan. Nisbah maksimum adalah **1 (satu) orang guru bagi setiap 10 (sepuluh) orang murid**. Mesti ada guru pengiring perempuan jika melibatkan murid perempuan dan mesti ada guru lelaki sekiranya program melibatkan murid lelaki;

